

BN Negeri Sembilan Umum Calon Baru DUN Johor
mStarOnline
19 April, 2013
Oleh SARBAN SINGH

SEREMBAN: Barisan Nasional Negeri Sembilan menamakan ahli perniagaan Abu Samah Mahat sebagai calon untuk kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor selepas Ustaz Fadzil Kassim menarik diri.

Pengumuman itu dibuat oleh Pengerusi BN Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan pada Jumaat.

Fadzil memutuskan untuk tidak bertanding selepas menerima bantahan daripada beberapa pengundi di kawasan tersebut selepas beliau diumumkan sebagai calon.

Mohamad berkata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah memilih Abu Samah yang merupakan antara dua calon yang dicadangkan oleh Umno Bahagian Kuala Pilah.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2013 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2013/4/19/mstar_berita/20130419122945&sec=mstar_berita